PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

http://jurnal.plm.org.my/

JURNAL LINGUISTIK Vol. 18(2) Disember.2014 (067-078)

Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad*, Pabiyah Hajimaming** & Zaitul Azma Zainon Hamzah**

abqari_hakim@yahoo.com, pabiyah@upm.edu.my, zazh@upm.edu.my

* *Universiti Sains Islam Malaysia*

** *Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Preposisi Arab memainkan peranan yang sangat penting dalam frasa ayat. Kemunculannya dalam ayat boleh mempengaruhi makna, struktur dan aspek fungsian tatabahasa. Kajian kualitatif ini mengemukakan kepelbagaian fungsi preposisi Arab dalam bahasa Melayu, di samping mengenal pasti pola kehadirannya yang boleh membentuk unsur-unsur tertentu seperti frasa idiomatik. Berdasarkan kepada penelitian yang dijalankan, preposisi Arab menyumbang kepada makna yang pelbagai dalam sesuatu ayat. Justeru, terjemahan preposisi Arab yang dinamis akan memberi kesan yang menarik terhadap struktur semantik dan korelasi gabungan leksikal/ kolokasi dalam teks. Dapatan kajian menunjukkan bahawa preposisi Arab dan Melayu mempunyai pelbagai fungsi, dan tidak boleh diterjemahkan secara leksikal, sebaliknya perlu melihat kepada struktur ayat, dan aspek semantik dalam konteks yang sesuai. Secara kesimpulannya, tidak semua preposisi Arab boleh diterjemahkan secara literal kecuali dalam keadaan tertentu. Adapun pengguguran maknanya dibolehkan selagi tidak menjejaskan mesej teks asal. Pemahaman mengenai makna dan fungsi preposisi Arab perlu diberi perhatian sebelum proses penterjemahan dilakukan. Kajian ini menemui beberapa perkara yang boleh digunakan sebagai panduan oleh penterjemah untuk menterjemah preposisi Arab ke dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: fungsi, preposisi Arab, preposisi Melayu, terjemahan, kolokasi, leksikal

Abstract

Arabic prepositions play a very important role in the phrases. Their appearances in sentences can affect the meaning, structure as well as functional aspects of grammar. This qualitative study presents the various functions of Arabic prepositions in the Malay language as well as identifies the patterns that can form certain elements such as idiomatic phrases. Based on the research conducted, Arabic prepositions contribute to a variety of meanings in the sentences. Therefore, a dynamic translation of the Arabic prepositions will result in a more interesting impact on the semantic structure and the correlation of lexical combination / collocation in the text. Results have shown that the Arabic and Malay prepositions have various functions which cannot be lexically translated and that there is the need to consider the sentence structure and semantics aspects in more suitable contexts. In conclusion, not all Arabic prepositions can be translated using the literal translation strategy except in certain circumstances. Omissions of meanings of Arabic prepositions are possible as long as they do not affect the message of the original texts. Attention should be given to the understanding of the meanings and functions of the Arabic prepositions before the translation can be done. This study has provided some useful insights that may guide translators in translating Arabic prepositions into the Malay language.

Keywords: function, Arabic prepositions, Malay prepositions, translation, collocation, lexical

1. Pengenalan

Bahasa Arab telah mendapat perhatian dalam kalangan ahli akademik mahupun penterjemah. Kepentingannya boleh dilihat melalui penyelidikan dan penterjemahan yang kian berkembang dari semasa ke semasa. Kajian terjemahan pula merupakan suatu bidang yang luas dan menjadi suatu disiplin yang begitu penting dalam pembangunan tamadun keilmuan manusia (Azman 2009:2). Sumbangannya dalam bidang linguistik banyak membantu para pelajar mahupun pensyarah berhadapan dengan isu bahasa yang berkaitan dengan diksi, terminologi, wacana dan sebagainya. Aktiviti dan usaha menterjemah hasil karya daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab amat kurang dilakukan (Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad 2013: 598). Namun demikian, disiplin terjemahan Arab-Melayu melalui penyelidikan dan penulisan semakin giat diusahakan dan usaha ini perlu disempurnakan sebagai asas dan panduan untuk para penterjemah. Malahan usaha ini perlu dilipatgandakan, memandangkan bidang terjemahan Arab-Melayu tidak begitu meluas, dan banyak didominasi oleh terjemahan Inggeris-Melayu (Muhammad Luqman 2012: 15).

Bahasa Arab sememangnya kaya dengan kosa kata, istilah dan mempunyai tatabahasa yang tersendiri. Jelasnya bahasa Arab mempunyai ciri tatabahasa yang amat berbeza dengan bahasa Melayu, (Zainur Rijal & Mahmoud Mohamad Ali, 2014). Tatabahasa dalam bahasa Arab melibatkan struktur perkataan - الكلمة - , morfologi (binaan kata) - الصرف-, struktur ayat - الكلام - dan sintaksis (binaan ayat)النحو. Walaupun begitu, bahasa Arab tidak terlepas daripada penggolongan kata seperti bahasa Melayu iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif, dan Kata Tugas. Mengikut tatabahasa Arab, perkataan (kalimat dalam bahasa arab) merupakan unit terkecil dalam bahasa. Ianya terbahagi kepada *isim* (kata nama), *fi'l* (kata kerja) dan *harf* (kata sendi). Justeru, kajian ini cuba membincangkan salah satu daripada aspek berikut iaitu *harf*. *Harf* dalam konteks kajian ini pula dikhususkan kepada *harf jarr* (juga disebut sebagai preposisi Arab). Perbincangan mengenai *harf jarr* dalam kajian ini merangkumi definisi, pembahagian dan fungsinya di dalam konteks ayat. Menurut Mubārak (1992: 246), klasifikasi *huruf jar* terbahagi kepada 17 jenis, 7 daripadanya *تجرالاسم الظاهروالمضمر* (memajrurkan atau mengenetifkan *isim dzahir* dan *mudmar)* iaitu : [في، الباء، اللام ، على، عن، إلى، من], adapun 7 lagi *تختص بالاسم الظاهرفقط* (dikhususkan hanya pada *isim dzahir)*, iaitu: [(القسم) التاء، منذ، مذ، رب، الواو، الكاف، حتى], manakala 3 lagi disebut dalam bab *istisna'* iaitu: [خلا، عدا، حاشا].

Frasa sendi Arab *(shibh al-jumlah)* terdiri daripada kata sendi (KS) dan kata nama (KN) atau frasa nama. Oleh itu, dalam terjemahan Melayu, penterjemah perlu memberi padanan yang sama, iaitu KS+KN Arab yang dipadankan dengan KS+KN Melayu. Aspek struktur ini dibolehkan selagi makna yang terhasil dalam bahasa terjemahan itu adalah sama seperti dalam bahasa sumber (Ismail Muhamad & Azman 2010: 131). Pembaca atau penterjemah teks Arab perlu mempunyai maklumat latar yang secukupnya untuk memahami setiap preposisi Arab. Terdapat beberapa preposisi Arab yang memiliki fungsi makna yang lebih daripada satu. Namun pembaca atau penterjemah perlu mengetahui makna utama bagi setiap preposisi tersebut sebelum memahami penggunaan makna yang lain (*Ibid* 2010). Maka, penilaian dan kompetensasi yang mendalam perlu dikuasai oleh setiap penterjemah.
Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk menyediakan asas dan garis panduan dalam bidang terjemahan Arab-Melayu terutamanya dari aspek linguistik mengenai preposisi yang merupakan unsur terpenting dalam satuan bahasa. Signifikan daripada hasil kajian diharap dapat menjadi medium dan alat bantu dalam aspek pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab bagi pelajar dan juga pengajar. Pemahaman yang signifikan mengenai penggunaan preposisi Arab dapat memperhalusi makna dan keindahan binaan ayat bahasa Arab dan wacananya. Hal demikian menyumbang kepada kesempurnaan komunikasi menerusi ujaran yang berkesan dalam konteks kedua-dua bahasa.

2. Kajian Lepas

Fungsi Kata sendi merujuk kepada peranan yang didokong oleh sesuatu leksikal/ kata sendi yang membawa makna tertentu. Kehadirannya di dalam frasa boleh mempengaruhi aspek semantik dan tatabahasa sesuatu ayat. Preposisi atau lebih dikenali sebagai *kata sendi nama* di dalam bahasa Melayu dan *harf jarr* dalam bahasa Arab. Menurut Ibn Jinnī (1988: 15) *harf* ialah sesuatu yang datang untuk memberi makna. Adapun Ibn Ăqīl (1990: 20), Al-syũtiy (1998: 23), Al-sũhāyliy(1992: 59) menyatakan bahawa *harf* adalah sesuatu yang menunjukkan makna. Al-Ghalāyīnī (1993: 168) mendefinisikan *harf jarr* sebagai lafaz yang menghubung antara *harf* dengan kata nama, *harf* dan kata kerja dan apa-apa yang sesuai dengan *harf*. Menurut al-Ghalāyīnī, *harf jarr* terdiri daripada dua puluh huruf iaitu، من، الى، عن، على

Harf juga boleh didefinisikan sebagai في، الباء، اللام، حتى، الكاف، الواو، رب، مذ، منذ، التاء (القسم)، خلا، حاشا، عدا، متى، كي، لعل . semua jenis kata selain kata nama dan kata kerja, ianya tidak boleh berdiri sendiri dan tidak menzahirkan makna yang sempurna tanpa kehadiran kata-kata lain dalam ayat.

Dalam *Tatabahasa Dewan* (2008: 250), kata sendi nama merupakan suatu unsur tatabahasa terpenting dalam bahasa. Adapun Nik Safiah (1996: 252) menyatakan bahawa kata sendi nama ialah "perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama", manakala Za'ba (2000: 183) mendefinisikan sebagai "kata-kata khas dipakai dengan nama atau ganti nama bagi menunjukkan persangkutan nama atau ganti nama itu dengan sesuatu perkataan lain dalam ayat". Asmah (1984 : 26) pula menyatakan bahawa: "kata sendi nama ialah frasa sendi yang unsur permulaannya ialah kata depan serta diikuti dengan golongan kata atau subgolongannya". Antara kata sendi nama yang sering digunakan di dalam ayat termasuklah di, ke, dari, daripada, pada, kepada, untuk, akan, bagi, dan oleh.

Kajian ini mengetengahkan permasalahan yang biasa berlaku dalam membezakan fungsi sebenar terjemahan sesuatu preposisi Arab ke dalam bahasa Melayu. Satuan kata ditentukan oleh peraturan bahasa yang tertentu termasuklah konteks, gaya bahasa dan struktur semantik sesuatu perkataan. Hal ini demikian kerana penterjemahan berhubung rapat dengan aspek semantik sesuatu perkataan itu agar maklumat atau makna yang dipindahkan itu bersesuaian dan bermutu serta mampu menyampaikan maklumat sebenar kepada pembaca sasaran, (Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin, 2011). Manakala pembinaan kata merupakan salah satu cabang dalam bahasa. Ketidakupaya menghasilkan padanan preposisi Arab yang sesuai mengakibatkan tujuan asal penulis terarah kepada kesalahan makna dan tatabahasa. Menurut Azman (2005: 132) permasalahan yang sering ditempuhi oleh pelajar bahasa Arab atau penterjemah Arab-Melayu ialah penguasaan terhadap penggunaan frasa sendi Arab. Penggunaan frasa sendi Arab boleh dikategorikan kepada tiga tahap, iaitu tahap leksikal, tahap frasa, dan tahap rangkai kata. Selain itu, kelemahan memahami fungsi preposisi Arab yang pelbagai juga menjerumuskan kepada kesilapan memahami teks Arab dalam pelbagai genre (Ismail Muhamad & Azman 2010: 131). Oleh yang demikian, isu kepelbagaian fungsi preposisi Arab perlu dibahas dan diteliti, khususnya pelajar dan penterjemah. Hal ini kerana ciri konstituen ayat tersebut berfungsi menghubungkan antara kata atau frasa endosentrik berdasarkan kedudukan موقف dan fungsi tatabahasanya.

Dengan demikian, kajian ini dijalankan untuk menyempurnakan objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti preposisi Arab yang boleh mempengaruhi konteks ayat dalam bahasa Melayu, membincangkan kepelbagaian fungsi semantik preposisi Arab dalam bahasa Melayu dan memaparkan derivasi makna preposisi Arab dalam bahasa Melayu dan pola kewujudannya dalam struktur ayat. Kajian ini mempunyai kepentingan dalam usaha untuk memberi sumbangan dalam usaha merungkai disiplin ilmu linguistik yang berkait dengan preposisi Arab, di samping makna dan frasa dalam terjemahan bahasa Melayu. Selain itu kajian ini juga dapat menyediakan garis panduan dan rujukan dalam bidang terjemahan khususnya melibatkan pola preposisi Arab di samping gaya bahasa dan kesepadanannya dalam teks serta dapat dijadikan sebagai medium dan alat bantu dalam aspek Pembelajaran dan Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing/kedua.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berorientasi analisis diskriptif dan tumpuan terhadap preposisi Arab. Preposisi Arab yang dibincangkan dalam kajian ini dan terjemahannya di dalam bahasa Melayu hanya melibatkan tujuh huruf iaitu: من، إلى، عن، على، في، الباء، اللام . Perbincangan dan perbahasan dalam kajian ini ditentukan berdasarkan penelitian yang telah dibuat terhadap sampel teks novel Arab *Masrur wa Maqrur* karya Ahmad Bahjat yang diterjemah oleh Nahmar jamil (1987) yang berjudul "Masrur dan Makrur". Data kajian seterusnya dianalisis untuk menampakkan unsur padanan melalui pendekatan terjemahan semantik dan komunikatif oleh Newmark (1981). Data kajian pada peringkat awalnya dikenal pasti menerusi sampel kajian di samping menilai hasil terjemahannya dalam bahasa Melayu. Data kemudiannya dikumpul dan diteliti sebelum disenaraikan mengikut klasifikasi fungsi semantik berdasarkan konteks ayat dan dipaparkan bersama hasil terjemahannya dalam bahasa Melayu melalui proses analisis linguistik.

Novel Arab *Masrur wa Maqrur* dikarang oleh Ahmad Shafiq Bahjat yang terkenal dengan nama Ahmad Bahjat dan merupakan seorang penulis serta sasterawan Mesir yang berwibawa. Beliau dilahirkan pada 15 November 1932 di Kaherah, manakala novel Melayu Masrur dan Makrur diterjemahkan oleh Nahmar Jamil, kemudian diterbitkan oleh Marwilis Publisher & Distributor Sdn. Bhd. di Shah Alam. Beliau juga merupakan seorang sasterawan dan bergiat cergas dalam penulisan puisi, cerpen dan terjemahan (Maheram 2011: 251). Novel Arab tersebut dipilih kerana unsur-unsur kesusasteraanya dan kewujudan preposisi Arab yang pelbagai, di samping

mempunyai autoriti dan pernah dijadikan sampel kajian PhD terjemahan Arab-Melayu oleh Muhamad Fauzi Jumingan di UKM (*Ibid.*: 252).

4. Analisis dan Perbincangan

Klasifikasi Preposisi Arab Dan Maknanya

Berdasarkan penelitian, preposisi Arab mendokong kriteria dan fungsi sebagai kata tugas, iaitu kata sendi yang memberi makna kepada unsur lain di dalam struktur ayat, demikianlah disebut *harf* di dalam bahasa Arab. Preposisi Arab boleh diklasifikasi kepada aspek struktur, tatabahasa/nahuan dan makna. Selari dengan pandangan Azman (2009: 261-264) yang menyatakan bahawa terdapat struktur kata tugas bahasa Arab berdasarkan bilangan huruf yang digunakan seperti satu huruf [ا، لـ، ف، و، بـ], dua huruf [من، عن، في، رب،], tiga huruf [الى، على،] dan empat huruf [لعل، لكن،]. Wujud juga struktur pola ayat daripada kombinasi dua perkataan contohnya (من + أجل) من أجل (رب + ما) ربما . Kadangkala struktur preposisi Arab hadir bersama kata nama yang boleh mendokong unsur semantik khusus atau lebih dikenali frasa idiomatik, seperti بزُمته *semua sekali*, رغب عن/ في *tidak suka/ suka*, بذَمٍ بَارِدٍ *tenang*, dan بربطة المعلم *pengawasan guru*. Setiap preposisi Arab mempunyai fungsi nahuan dan aspek tugas yang khusus bergantung kepada konteks dan tatabahasa sesuatu ayat. Al-Ghalāyīnī (1993) telah memperincikan fungsi dan maksud setiap preposisi Arab dengan jelas. Setiap maksud yang diberikan disertakan dengan contoh penggunaannya dalam ayat. Contoh yang diberikan sama ada dipetik daripada ayat al-Quran, puisi atau ayat yang digunakan dalam kehidupan seharian.
Implikasi kehadirannya dalam frasa boleh memberi makna tertentu. Menurut Azman (2009: 263), preposisi Arab yang berfungsi terhadap kata nama boleh berfungsi dalam beberapa keadaan iaitu Nominatif (*raf'*), Akusatif (*nasb*) dan Genetif (*jarr*). Begitu juga dengan preposisi Arab yang berfungsi terhadap kata kerja boleh berfungsi dalam beberapa keadaan iaitu Nominatif (*raf'*), Akusatif (*nasb*) dan Jazm (*jazam*). Aspek fungsian yang didokong oleh setiap preposisi Arab perlu dikenal pasti sebelum pemilihan kosa kata dilakukan.

Struktur Preposisi Arab Dalam Bentuk Kolokasi

Menurut Ghazala (2007: 12) preposisi Arab boleh muncul dalam struktur tertentu, sama ada [isim + preposisi Arab + majrur], [kata kerja + preposisi Arab + majrur], [kolokasi kata bilangan *(isim ma'dud)*], [kolokasi bukan kata bilangan *(isim ghair ma'dud)*], [kata kerja + preposisi Arab], dan juga[preposisi Arab + kata nama]. Berikut adalah contoh bagi setiap bentuk:

[isim + preposisi Arab + *majrur*] [اسم + حرف جر + مجرور]

M/S (Arab)	Frasa BM	Frasa Arab
22	*Perompak*	قاطعا للطريق
29	*diusung*	محمولا على الأعناق
29	*Detik kebahagiaan*	لحظات من السعادة
45	*Perasaan tenteram*	لون من الطمأنينة
54	*Dalam menghadapi suasana*	رهبة من الموقف

[kata kerja + preposisi Arab + *majrur*] [فعل + حرف جر+ مجرور]

M/S (Arab)	Frasa BM	Frasa Arab
12	*Fikirannya kosong*	يفكر في لا شيء
13	*Meneruskan perjalanan*	تمضي في طريقها
23	*Segera memakan*	تأكله على الفور
43	*mengucapkan*	يزيد على قوله
47	*Berasa sedikit tenteram*	يحس ببعض الأمن

[kolokasi kata bilangan *(isim ma'dud)*] اسم معدود

M/S (Arab)	Frasa BM	Frasa Arab
9	*Sekumpulan orang lelaki*	عصبة من الرجال
12	*Seratus pound emas*	مائة جنيه من الذهب

[kolokasi bukan kata bilangan *(isim ghair ma'dud)*]اسم غيرمعدود

M/S (Arab)	Frasa BM	Frasa Arab
9	*Seketul batu*	قطعة من الحجر
11	*Sepotong daging burung merak*	قطعة من لحم طاووس
19	*Segelas air*	كأسا من الماء
34	*Sedikit air*	قليلا من الماء

[kata kerja + preposisi Arab] [فعل + حرف جر]

M/S (Arab)	Frasa BM	Frasa Arab
20	*Mengisyaratkan*	أشار إلى
25	*Mendapat*	حصل على
27	*Membelasah*	هوى به
28	*Berkuasa*	قادر على
29	*Dipaksa*	أجبروه على

[preposisi Arab + kata nama] [حرف جر+ اسم]

M/S (Arab)	Frasa BM	Frasa Arab
9	*Kemudian*	من ثم
13	*Oleh itu*	بالتالي
13	*Sebaliknya*	على العكس
22	*Melalui*	من خلال
31	*Hakikatnya*	في الحقيقة

Terjemahan Semantik Dan Komunikatif

Peranan besar yang perlu dititikberatkan oleh penterjemah adalah mendapatkan padanan semantik dan komunikatif sesuatu kombinasi kata. Penterjemahan yang baik ialah terjemahan yang menyampaikan ujaran yang sempurna pada bahasa sasaran, misalnya:

M/S : 2 وهبت الرياح يعنف وهي تعول في صفير يدفع الشؤم لأقسى القلوب

Angin bertiup keras seakan meraung memperlihatkan ramalan buruk yang tidak menyenangkan manusia.

M/S : 11 توحى رائحته بحقل كامل من العنب

Baunya memperlihatkan keseluruhan ladang anggur yang lengkap.

M/S : 14 كان الفراء يبعث بمجرد وجوده على الدفئ

Dengan adanya kulit bulu itu akan merangsang kehangatan rasa.

Di dalam ayat yang dinyatakan di atas, penterjemah langsung tidak menterjemahkan preposisi Arab ke dalam teks bahasa Melayu. Penterjemah hanya menyampaikan fungsi preposisi Arab melalui ujaran komunikatif.

Oleh itu, unsur tersebut diterapkan melalui pemilihan kosa kata yang difahami maknanya secara asli. Hal ini selari dengan pendapat Newmark (1981) yang menyatakan bahawa terjemahan komunikatif ialah terjemahan yang cuba menghasilkan pada pembaca kesan yang sehampir mungkin seperti kesan pembacaan yang terdapat pada pembaca teks asal. Justeru, terjemahan preposisi Arab mestilah selari dengan fungsi utamanya sebagai satu alat untuk menyampai dan mengungkap suatu gagasan atau perasaan kepada pembaca. Hal ini kerana, terjemahan komunikatif mensyaratkan agar terjemahan mempunyai bentuk, makna dan fungsi. Contoh yang berikut melibatkan terjemahan semantik:

M/S : 13	لقد صرح في اكثر من مناسبة أنه أوتى ماله بسبب علم خاص عنده
Seringkali dalam setiap pertemuan dia memberitahu bahawa dia mendapatkan kekayaan dengan ilmu yang khusus yang ada padanya.	

M/S : 24	لن أتدخل في مهمتك فلا تتدخل في مهمتى
Saya tidak akan mencampuri urusan anda dan anda tidak akan mencampuri urusan saya.	

M/S : 1(	وابتلع جرعة أخرى من نبيذ في لون الورد
Meneguk lagi arak yang berwarna bunga ros.	

)M/S : 50	الأمل من واهن يسراب الإحساس هذا وملأه
Perasaan itu sentiasa menyelubunginya, harapannya semakin tipis	

Daripada penelitian terjemahan di atas, penterjemah hanya mengemukakan makna asal ujaran tanpa terjemahan preposisi Arab.Terjemahan ini menyampaikan unsur semantik daripada satuan kata ke dalam konteks bahasa Melayu. Hal ini sejajar dengan pendapat Newmark (1981), bahawa terjemahan semantik ialah terjemahan yang cuba menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya yang terdapat dalam teks asal, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis dalam bahasa sasaran itu. Hal ini demikian kerana kewujudan kombinasi kata bersama preposisi Arab perlu dilihat sebagai asas dalam penterjemahan.

Derivasi Makna Preposisi Arab Dalam Melayu

Perbahasan mengenai fungsi preposisi Arab *(selepas ini disebut harf)* dalam bahasa Melayu sedikit sebanyak membantu para penterjemah dan pelajar untuk memahami sesuatu ujaran dengan lebih mudah dan tepat. Kepelbagaian pola leksikal dalam bahasa Melayu dikenal pasti setelah proses analisis dijalankan menggunakan pendekatan konstrastif. Berikut merupakan derivasi leksikal yang dikenal pasti dalam terjemahan Arab- Melayu:

Harf [من] menyumbang kepada tujuh leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
11	جدران القصر من حجر الجرانيت *Dinding istana diperbuat daripada batu konkrit*	*Daripada .1*	**من**
12	قد اطلقت من عقالها *Terlepas dari kekangannya*	*Dari .2*	
14	أما الفقير فهو واحد من اثنين *Orang miskin ialah salah satu antara dua*	*Antara .3*	
55	خوفا من الجبار الأعلى *Kerana ketakutan terhadap al jabbar al akla*	*Terhadap .4*	
56	أراد مسرور أن يصرخ من الفزع *Masrur ingin menjerit kerana ketakutan*	*Kerana .5*	
34	فلما خلت الغرفة من غيرهم	*6 .Kecuali*	

	Apabila bilik itu kosong kecuali mereka bertiga		
53	تناثر النجوم المجرات من فوقها (الأرض) *Bintang-bintang planet di langit bertaburan di atas bumi*	*7 .Di*	

Harf [إلى] menyumbang kepada lima leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
12	عاد مسرور إلى سهومته *Masrur kembali kepada racunnya*	*Kepada .1*	**إلى**
15	ونستحيل إلى التراب *Kita akan bertukar menjadi tanah*	*Menjadi .2*	
30	أشارت المرأة إلى القصر *Wanita itu menunjuk ke arah istana*	*Ke arah .3*	
29	سيق مقرور إلى السجن *Makrur dibawa ke penjara*	*4 .Ke*	
40	فمن لحم ودم وعظام إلى سيقان *Daripada daging, darah, tulang hingga betis*	*5 .Hingga*	

Harf [عن] menyumbang kepada lima leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
14	يتحدث نفسه عن فقره *Mengatakan dirinya mengenai kemiskinan*	*1 .Mengenai*	**عن**
26	أسئلك عن جريمتك الأخرى *Saya bertanya tentang dosa anda yang lain*	*2 .Tentang*	
37	غاب عن وعيه *tanpa sedar diri*	*3 .Tanpa*	
42	كانت الشمس تختلف عن الشمس القديمة *Matahari kini berbeza dengan matahari lama*	*Dengan .4*	
47	يتقدم عن يمين البشر *Keluar dari sebelah kanan manusia*	*5 .Dari*	

Harf [على] menyumbang kepada lima leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
11	يجلس في صدر المائدة على كرسى ذهب *Masrur duduk di tengah-tengah meja di kerusi emas*	*Di .1*	**على**
14	أكبر من قدرته على الحساب *Lebih besar daripada kemampuannya untuk menghitung*	*Untuk .2*	
31	سقط على الأرض *Dia rebah ke lantai*	*Ke .3*	
30	مر على يوم القيامة *Telah berlalu terhadap hari kiamat*	*Terhadap .4*	
55	خرج الوقت على حدود الوقت *Waktu telah terkeluar dari sempadan waktu*	*5 .Dari*	

Harf [في] menyumbang kepada lapan leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
11	يجلس في صدر المائدة *Masrur duduk di tengah-tengah meja*	*Di .1*	في
30	في الليلة الثالثة *Pada malam ke tiga*	*Pada .2*	
9	أقوى رجل في المملكة *Paling berkuasa dalam negara*	*Dalam .3*	
14	فإذا فرطت في قرش واحد *Jika berlaku kelalaian terhadap wang sesen*	*Terhadap .4*	
14	في أي ثروة *Bagi sebarang kejayaan*	*5 .Bagi*	
31	أحس بوجود زائر غريب فيها *Merasa ada seorang tetamu ajaib di dalamnya*	*6 .Di dalam*	
26	فكر مقرور سريعا في التهمة *Makrur berfikir pantas mengenai tuduhan itu*	*7 .Mengenai*	
22	مرحبا بك في العالم الآخر *Selamat datang anda ke alam akhirat*	*.8 Ke*	

Harf [بـ] menyumbang kepada empat leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
12	يتأمل الريح بنظراته الجليدية *Merenungi angin dengan pandangan beku*	*1 .Dengan*	ب
34	إن الحكم مستمرا باسم السيد الأعظم *Pemerintahan akan terus berjalan atas nama tuan paduka*	*2 .Atas*	
68	أمرهم بالسجود *Memerintahkan mereka supaya bersujud*	*3 .Supaya*	
13	كان مؤمنا بنفسه *Dia yakin akan dirinya*	*Akan .4*	

Harf [لـ] menyumbang kepada empat leksikal dalam bahasa Melayu.

M/S	KONTEKS AYAT	LEKSIKAL BM	HARF
11	انحنت الجارية وصبت لمسرور *Seorang pelayan wanita menunduk dan menuangkan arak kepada Masrur*	*1 .Kepada*	لـ
9	لا يملك مفتاحا لباب كوخه الخشبى *Tidak mempunyai anak kunci untuk pintu gubuk kayu*	*2 .Untuk*	
35	يتصور أن الموت فناء للإحساس *Menyangka maut itu ialah kefanaan bagi perasaan*	*3 .Bagi*	
35	وضع الموت حدا للإحساس بالحياة *Maut telah membataskan hidup pada perasaan keduanya*	*Pada .4*	

Perbincangan Mengenai Derivasi

Berdasarkan hasil penelitian, preposisi Arab berupaya mendokong makna yang pelbagai dalam bahasa Melayu. Kewujudannya boleh dilihat melalui penelitian terjemahan teks Arab yang telah dijalankan oleh penterjemah

berwibawa. Sebagai contoh, *harf* في yang boleh diklasifikasikan sebagai preposisi Arab yang mempunyai derivasi yang paling banyak, iaitu 8 leksikal yang membawa makna tersendiri. Proses penentuan makna yang dibuat menunjukkan struktur tatabahasa Arab dan konteks ayat merupakan aspek yang perlu diberi perhatian, memandangkan kebanyakan preposisi Arab mempengaruhi struktur pola sesuatu ujaran. Dengan itu, pengaplikasian strategi yang sesuai dan penerapan pemilihan leksikal sebelum proses terjemahan preposisi Arab merupakan sesuatu yang asas untuk memperoleh terjemahan yang dinamis melalui gaya bahasa yang bersahaja dan menarik.

Fungsi Preposisi Arab Dalam Bahasa Melayu

Aspek fungsian dikenal pasti apabila sesuatu preposisi Arab berkolokasi dengan sesuatu perkataan. Berikut merupakan kepelbagaian fungsi yang didokong oleh preposisi Arab.

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan untuk manusia, asal sesuatu, perbandingan atau perbezaan bahagian sesuatu dan benda yang abstrak.	*daripada*	من
Digunakan untuk masa, tempat dan arah.	*dari*	
Digunakan untuk menerangkan maksud tempat yang tidak mempunyai jarak atau ruang dan berfungsi sebagai kata arah.	*antara*	
Digunakan untuk membawa maksud rujukan sama ada manusia, haiwan atau benda.	*terhadap*	
Menunjukkan hubungan yang membawa maksud sebab.	*kerana*	
Membawa maksud selain/ melainkan	*kecuali*	
Digunakan khusus untuk tempat dan arah.	*di*	

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan untuk menunjukkan arah yang hanya merujuk kepada manusia, haiwan danmenyatakan pecahan.	*kepada*	إلى
Digunakan untuk menunjukkan tempat atau arah dan masa.	*ke*	
Digunakan untuk membawa maksud rujukan sama ada manusia, haiwan atau benda.	*terhadap*	
Digunakan untuk menunjukkan tempat atau arah dan masa.	*ke arah*	
Digunakan untuk menyatakan had masa, waktu atau tempat tertentu.	*hingga*	

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan untuk membawa maksud rujukan sesuatu yang tidak tentu atau umum.	*mengenai*	عن
	tentang	
Menidakkan sesuatu perkara.	*tanpa*	
Diguna untuk manusia, asal sesuatu, perbandingan atau perbezaan bahagian sesuatu dan benda yang abstrak.	*daripada*	
Digunakan untuk masa, tempat dan arah.	*dari*	

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan khusus untuk tempat dan arah.	*di*	على
Digunakan untuk menunjukkan kegunaan bagi sesuatu dan menyatakan maksud bahagian yangditentukan.	*untuk*	
Digunakan untuk menunjukkan tempat atau arah dan masa.	*ke*	
Digunakan untuk masa, tempat dan arah.	*dari*	
Digunakan untuk membawa maksud rujukan sama ada manusia, haiwan atau	*terhadap*	

benda.		

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan khusus untuk tempat dan arah, Digunakan untuk menunjukkan tempat atau arah dan masa. Digunakan untuk menerangkan maksud tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak danberfungsi sebagai kata arah. Digunakan untuk menyatakan pengertian tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak.	*di* *ke* *dalam* *di dalam*	في
Digunakan untuk menunjukkan kegunaan bagi sesuatu dan menyatakan maksud bahagian yangditentukan.	*bagi*	
Digunakan untuk waktu, manusia, haiwan, tempat dan benda-benda yang abstrak.	*pada*	
Digunakan untuk membawa maksud rujukan sesuatu yang tidak tentu atau umum.	*mengenai*	
Digunakan untuk membawa maksud rujukan sama ada manusia, haiwan atau benda.	*terhadap*	

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan untuk membawa maksud seperti Bersama-sama, Cara sesuatu perkara itu dilakukan dan menyatakan keadaan perbandingan	*dengan*	بـ
Digunakan khusus untuk tempat dan arah.	*atas*	
Kata hubung, menyatakan matlamat.	*supaya*	
Merujuk kepada sesuatu perihal yang akan dibuat.	*akan*	

FUNGSI	LEKSIKAL BM	HARF
Digunakan untuk menunjukkan arah yang hanya merujuk kepada manusia, haiwan dan menyatakan pecahan.	*kepada*	لـ
Digunakan untuk menunjukkan kegunaan bagi sesuatu dan menyatakan maksud bahagian yang ditentukan.	*untuk*	
Digunakan untuk menunjukkan kegunaan bagi sesuatu dan menyatakan maksud bahagian yang ditentukan.	*bagi*	
Digunakan untuk waktu, manusia, haiwan, tempat dan benda-benda yang abstrak.	*pada*	

Perbincangan Mengenai Aspek Fungsian

Sebagai rumusan, fungsi bagi kedua-dua preposisi Arab dan Melayu hampir sama, akan tetapi fungsi semantik yang dibawa oleh preposisi Arab adalah lebih meluas. Contohnya *harf* من yang boleh membawa jangkauan semantik termasuk kata hubung seperti *antara*, *terhadap*, *kerana* dan *kecuali*. Begitu juga *harf* بـ yang boleh mendokong makna *atas*, *supaya* dan *akan* dalam bahasa Melayu. Perbahasan yang dijalankan dalam kajian ini sedikit sebanyak membantu mengklasifikasi fungsi yang perlu difahami sebelum proses pemilihan perkataan.Terjemahan perkataan *(word by word)* didapati tidak membantu untuk mendapatkan padanan yang sesuai, kecuali dalam keadaan tertentu dan bergantung kepada struktur dan konteks ayat. Hal ini kerana, berdasarkan hasil penelitian, aspek fungsian merupakan asas untuk mengekalkan terjemahan semantik dan komunikatif sesuatu padanan kata. Daripada hasil penelitian, penulis mencadangkan beberapa isu penting yang perlu diberi perhatian dalam proses terjemahan

preposisi Arab ke dalam Bahasa Melayu. Antaranya ialah keperluan untuk memahami aspek sintaksis dan semantik struktur ayat bahasa Arab secara umum serta preposisi Arab secara khusus.

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap preposisi Arab, dapat disimpulkan beberapa perkara penting mengenai peranan fungsi preposisi Arab dalam struktur frasa amnya, dan aspek terjemahan khususnya. Frasa sendi Arab (*shibh al-jumlah*) terdiri daripada kata sendi dan kata nama atau frasa nama. Kewujudannya juga boleh dilihat apabila menggunakan pendekatan kolokasi, apabila preposisi Arab membentuk pelbagai struktur kata seperti [isim + *jar majrur (sibh jumlah)*], [kata kerja + preposisi Arab + *majrur*], [kolokasi kata bilangan *(isim ma'dud)*], [kolokasi bukan kata bilangan *(isim ghair ma'dud)*], [kata kerja + preposisi Arab] dan juga [preposisi Arab + kata nama].

Teks yang mengandungi kata sendi/ frasa sendi mestilah diteliti dengan sebaik-baiknya supaya mesej atau maksud asal ujaran sepadan dan tidak melencong. Penterjemah mestilah mendapatkan padanan yang paling hampir sekiranya ingin menterjemah ayat yang mengandungi kata sendi/ frasa sendi. Penterjemah perlu mengemukakan padanan yang sama, iaitu [preposisi Arab + kata nama Arab] dengan pola [preposisi Melayu + kata nama Melayu]. Padanan dari aspek struktur ini dibolehkan selagi gaya bahasa dan unsur makna yang terhasil dalam bahasa terjemahan sesuai seperti dalam bahasa sasaran. Pendekatan semantik dan komunikatif dalam menghasilkan terjemahan ayat yang mengandungi preposisi Arab dapat membantu para penterjemah mendapatkan terjemahan yang baik. Tidak semua preposisi Arab boleh diterjemah secara literal, kecuali dalam keadaan tertentu. Dengan itu, aspek fungsian perlu dijadikan asas untuk mengekalkan aspek semantik dan komunikatif sesuatu padanan kata. Sekiranya wujud preposisi Arab yang tidak sepadan dengan budaya bahasa Melayu, maka pengguguran atau penggantian dengan perkataan lain yang sesuai dan sepadan dibolehkan selagi tidak menjejaskan mesej teks asal. Aspek fungsian yang didokong oleh setiap preposisi Arab perlu dikenal pasti sebelum pemilihan kosa kata dijalankan.

Penterjemah teks Arab mestilah berupaya dan mempunyai maklumat asas yang secukupnya untuk memahami konteks dan makna setiap preposisi Arab. Hal ini kerana terdapat beberapa preposisi Arab yang memiliki fungsi makna yang pelbagai. Namun penterjemah mestilah cekap dan bijak dalam menangani aspek makna utama bagi setiap preposisi Arab khususnya sebelum proses penterjemahan dilakukan.Terjemahan preposisi Arab mestilah selari dengan fungsi utamanya sebagai satu alat untuk menyampai dan mengungkap suatu gagasan atau perasaan kepada pembaca. Proses menentukan makna preposisi Arab merupakan aspek yang perlu diberi perhatian kerana proses ini melibatkan struktur tatabahasa Arab dan konteks ayat, malahan kebanyakan preposisi Arab juga mempengaruhi struktur pola sesuatu ujaran. Dengan itu, pengaplikasian strategi yang sesuai dan penerapan pemilihan leksikal sebelum proses terjemahan preposisi Arab merupakan sesuatu yang asas untuk memperoleh terjemahan yang dinamis melalui gaya bahasa yang menarik. Pemahaman yang mendalam tentang hal-hal yang berkaitan dengan preposisi Arab termasuk struktur frasa, tatabahasa, fungsi, variasi unsur semantik, kombinasi kata/ kolokasi dan konstituen tertentu membolehkan teks yang diterjemah mempunyai nilai yang boleh membangkitkan elemen keaslian kepada para pembaca.

Rujukan

Abu al-âzm & Abd Ghāni. (2006). *Mafhum al-mutalazimat wa ishkaliyyat al-ishtighal al-mućjami fi al-dirasat al-můkjamiyyat*. Rabat: Manshůrat al-jamiyyat al-maghribiyyat li al-dirasat al-mućkjamiyyat.

Al-Ghalāyīnī, Mustafã. (1993). *Jāmic al-Durūs al-Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabahal- Ăsriyyah.

Ăli Bāhaŭddin. (1987). *Al-Madkhal ila al-Nahw*. Lubnan: Tibă'h al Ula, al-mŭassasah al-jamĭiyyat li addirasāt wa al-nashr wa al-tāwzĭ.

Al-syūtiy, Jālāluddin Abd al-rāhman bin Abi Bākr. (1998). *Hamŭ al Hawamĭ fi Jāmĭ al- jawāmĭ*. Lubnan:Darul al-kutub al-ilmiyyat.

Al-sŭhāyliy, Abi al-Qāsim Abd al-Rahman bin Abdullah. (1992). *Nataĭj al-Fĭkr fi al-Nahwi*. Beirut: Dar al-kutub al-ìlmiy.

Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin. (2011) Terjemahan 'Air' Dalam Peribahasa Melayu- Inggeris – Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*, Jilid 13, (6).

Asmah Hj Omar. (1984). *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur.

Azman Che Mat. (2005). Terjemahan Kata Sendi Nama Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu: Satu Analisis. Dalam Abdullah Hassan dan Low Kok On, *Terjemahan dan Penglobalan Ilm.* Kuala Lumpur: PTS Professional.

Azman Che Mat. (2009). *Keperluan kepada sebuah glosari kata tugas untuk terjemahan Arab-Melayu*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12 pada 18-20 Ogos 2009 di Park Royal, Penang.

Ghazala, Hasan. (2011). *Cognitive Stylistics and the Translator*. London: Sayyab Books.

Ghazala, Hasan. (2007). *Qāmus Dār-Ĕlmi lilmŭtalazimāt al-lafzĭyyah*, Tibă'h al-Ůla, Dar al-Ĕlmy lil mālayin: Lubnan.

Ibn Ăqīl, Bahã' al-Dīn Abdullah. (1990). *Shārh Ibn Ăqīl*. Jil. 1-2. Bayrut: Dar al-Khir.

Ibn Jinnī, Abu al-Fath Ůthmān. (1988). *Al-Lumă' fī al-Arabiyyah*. Ammān: Majdalāwi.

Ismail Muhamad & Azman Bin Che Mat. (2010). Memaknakan Terjemahan Frasa Sendi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu Berdasarkan Ilmu

Sintaksis-Semantik. *Islamiyyat*, 115 – 134.
Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Almunazzamah al Arabiyah li al Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al Ulum. (1999). *Al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy*. Tunisia: Laroussse.
Kamus al-Mawrid. (1999). Beirut: Dar El-Ilm Lil-Malayen.
Maheram Ahmad. (2011). *Nahmar Jamil dan Sumbangannya dalam Bidang Penterjemahan Arab Melayu di Malaysia*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV pada 25-26 November 2011 di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan.
Mubārak, Mubārak. (1992). *Qawaid al-lughăh al-arabiyyat*. Cet.3, Beirut: Maktabat al- madrasiyyat dar al-kitab al-ìlmiy.
Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad. (2012). Strategi Penterjemahan Kata Sendi Nama Arab Ke Bahasa Melayu: Satu Analisis Diskriptif Dan Semantik Dalam Novel "Masrur Dan Makrur". Ijazah Sarjana: Universiti Malaya.
Nahmar Jamil. (1987). *Masrur dan Makrur*. Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors Sdn.Bhd.
Newmark, Peter. (1981). *Approaches to Translation*. New York: Prentice Hall.
Nik Safiah Karim et.al. (1996). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2013). *Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu Ke Bahasa Arab*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013) pada 13 November 2013.
Nik Safiah Karim et.al (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
Za'ba. (2000). *Pelita Bahasa Melayu penggal I-III Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
Zainur Rijal B. Abdul Razak &Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* , Vol.18 (1) Jun 2014, (035-047).